# Bank Islam dilantik urus dana wakaf masjid KUIN

*» Projek RM15j di Kuala Ketil hasil dana orang ramai, kerajaan*

**Oleh Mohd Azrone Sarabatin**
azrone@bh.com.my

**Kuala Lumpur**

Kolej Universiti Insaniah (KUIN) melantik Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) sebagai rakan kongsi strategik untuk menguruskan dana wakaf pembangunan sebuah masjid di Kampus KUIN di Kuala Ketil, Kedah.

Satu memorandum persefahaman (MoU) bagi melaksanakan projek 'Dana Wakaf Insaniah' itu ditandatangani kedua-dua pihak pada 25 Ogos lalu dan ia akan ditadbir urus oleh Majlis Agama Islam Kedah.

Rektor KUIN, Datuk Mohd Yusof Kasim (**gambar**), berkata kos pembinaan masjid itu dianggarkan bernilai RM15 juta manakala dana pembinaannya adalah sumbangan daripada pelbagai pihak termasuk orang ramai, agensi kerajaan dan syarikat swasta.

## Kongsi sokongan

Katanya, pembinaannya diharap dapat memperkukuhkan kedudukan KUIN sebagai sebuah institusi pengajian Islam terkemuka di negara ini, selain pusat kegiatan masyarakat dalam aspek pendidikan.

Beliau berkata, masjid itu memenuhi keperluan pendidikan pelajar institusi pengajian tinggi itu yang dianggarkan mencecah 15,500 orang menjelang tahun 2018.

"Masjid ini juga akan menjadi pusat kecemerlangan bagi ilmuwan Islam dari seluruh dunia berhimpun dan membincangkan isu semasa berkaitan Islam," katanya dalam satu kenyataan media yang dikeluarkan Bank Islam, semalam.



Mohd Yusof turut berharap dengan perkongsian itu dan sokongan daripada institusi kewangan yang dipercayai, lebih banyak pihak akan berminat untuk menyumbang dalam pembinaan masjid.

Dalam pada itu, Pengarah Urusan Bank Islam, Datuk Seri Zukri Samat, berkata institusi kewangan itu akan memainkan peranan penting dalam memajukan tanah wakaf.

## Kerjasama UDA Holdings

Katanya, kerjasama itu menunjukkan pentingnya instrumen muamalat dan keberkesanan wakaf dalam menyumbang kepada kemakmuran negara.

"Kerjasama ini terjalin tepat pada masanya ketika kerajaan menyarankan supaya usaha memajukan tanah atau aset wakaf ditingkatkan," katanya.

Sebelum ini, Bank Islam menguruskan projek pembangunan wakaf, seperti bangunan Ibu Pejabat Bank Islam dan Menara Bank Islam di kawasan segi tiga emas di ibu negara.

Bank Islam turut mengadakan kerjasama dengan pemaju hartanah, UDA Holdings Berhad untuk memajukan sebuah kawasan kediaman di Taman Wakaf Seetee Aisyah di Seberang Prai, Pulau Pinang.